

20/09/2003

Memoir PM dalam CD

KUALA LUMPUR: Kelab Sukan dan Rekreasi Warga Maju di sini akan menerbitkan memoir interaktif dalam bentuk cakera padat (CD) mini yang mengandungi pelbagai maklumat sepanjang 22 tahun Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad berkhidmat sebagai Perdana Menteri Malaysia.

Memoir bersaiz kad kredit itu diterbitkan tidak lama lagi mengandungi pelbagai cerita dan catatan selain gambar dan biodata Perdana Menteri.

Pengerusi Kelab berkenaan, Abd Rahman Hashim, berkata memoir itu sebagai tanda pihaknya menghargai jasa dan pengorbanan Dr Mahathir yang diabadikan dalam bentuk cakera padat.

"Kita akan memasarkan CD itu pada 19 Oktober depan sempena Larian Perdana Budimu Di Hatiku di Pusat Aktiviti Perpaduan Taman Seri Rampai dekat Setapak," katanya di sini, semalam.